

21/07/1997

Hak Asean tentukan kemasukan Kemboja (HL)

Manja Ismail in Okayama City (Jepun)

OKAYAMA CITY (Jepun), Ahad - Malaysia berharap tidak ada halangan terhadap penyertaan Kemboja, yang kini dilanda pergolakan politik, untuk menyertai Asean, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan bukan niat Asean untuk mencampuri politik dalaman sesebuah negara, Perdana Menteri berkata Asean bagaimanapun berhak untuk menerima atau menolak penyertaan sesebuah negara sebagai ahlinya.

"Ketika ini keadaan di Kemboja tidak berapa jelas dan kerana itu, kita terpaksa menanggungkan kemasukannya ke dalam Asean. Pada dasarnya, ini adalah hak Asean dan ia tidak mencampuri masalah dalaman negara lain," tegasnya.

Ini adalah pertama kali Dr Mahathir mengulas mengenai isu penyertaan Kemboja ke dalam Asean sejak pergolakan politik di negara itu 5 Julai lalu.

Beliau yang sedang melakukan lawatan kerja di sini menjelaskan demikian dalam dialog dengan Gabenor Okayama, Masahiro Ishii dan Pengerusi Okayama Keizai Doyukai merangkap Presiden Sanyo Shimbun, Katsumi Sasaki, di sini petang ini.

Dua tokoh tempatan Okayama itu ingin mengetahui pendirian Perdana Menteri mengenai kedudukan Kemboja, yang dijadualkan bersama Myanmar dan Laos, menyertai Asean akhir bulan ini tetapi ditangguhkan berikutan masalah politik dalaman di negara itu.

Ekoran pertempuran antara penyokong Perdana Menteri Pertama Kemboja, Putera Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri Kedua, Hun Sen pada 5 Julai yang menyebabkan Hun Sen menguasai negara itu, manakala Ranariddh lari ke Paris, Menteri-menteri luar Asean memutuskan menangguh penyertaan Kemboja.

Sebelum ini, Hun Sen dipetik sebagai berkata Kemboja rela tidak menyertai Asean jika pertubuhan tujuh negara Asia Tenggara itu mencampuri politik dalaman Kemboja.

Agensi berita asing hari ini melaporkan, Menteri-menteri luar Filipina, Thailand dan Indonesia yang dilantik sebagai misi damai Asean akan meminta Hun Sen melepaskan penguasaannya ke atas Kemboja bagi membolehkan kerajaan sementara dibentuk sehingga pilihan raya umum diadakan.

Dr Mahathir berkata, pertubuhan serantau itu memang berharap mempunyai 10 negara anggota atau Asean 10 di Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) di Kuala Lumpur minggu depan tetapi 'nampaknya ia tidak mungkin berlaku'.

Mengenai kedudukan Forum Kerjasama Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri menegaskan ia bukannya blok perdagangan, sebaliknya kerjasama antara negara di Asia Timur bagi membolehkan suara mereka terutama membabitkan kepentingan bersama, didengari oleh negara maju.

Beliau memberikan contoh tindakan Jepun yang mengemukakan aduan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) terhadap Amerika Syarikat semalam, berikutan undang-undang Massachusetts menghalang syarikat asing yang melabur di Myanmar mengadakan perdagangan dengan negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, ia adalah contoh bagaimana dasar tempatan di sesebuah negara maju menjejaskan urusan antarabangsa yang tidak sepatutnya berlaku.

"Jika usaha Jepun itu berjaya, Malaysia dan negara-negara kecil akan turut mendapat faedah. Bagaimanapun jika Malaysia membawa isu seumpama itu ke WTO, sudah pasti ia tidak akan dilayan sama sekali.

"Kalau kita bersuara pada satu nada, tentu tidak ada pihak seperti sebuah majlis perbandaran atau kerajaan tempatan mencampuri perdagangan

antarabangsa negara lain," katanya.
(END)